

# TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN DAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ZULU (ASB-Z)

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5102-taklimat-pengurusan-kewangan-dan-amanah-saham-bumiputera-zulu-asb-z](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5102-taklimat-pengurusan-kewangan-dan-amanah-saham-bumiputera-zulu-asb-z)

ALOR SETAR, 17 Jun 19 - Kolej Tentera Udara telah mengadakan Taklimat Pengurusan Kewangan dan Amanah Saham Bumiputera Zulu (ASB-Z) bertempat di Dewan Taming Sari, Kolej.

Ketibaan Timbalan Pengarah UGAT, Kol Roba'i bin Rahmat telah disambut oleh Pegawai Laksana Kolej, Kol Hishamudin bin Abd Rahman TUDM dan seterusnya telah dibawa untuk mengadakan sesi perjumpaan bersama Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato' Tarminzi bin Mustapha TUDM bagi sesi pertukaran momento. Turut sama hadir bagi sesi pertukaran momento tersebut ialah Encik Awang bin Musran@Tawil, Senior Vice President Bank Muamalat.

Seterusnya, mereka telah dijemput ke Dewan Taming Sari bagi memberi taklimat kepada warga Kolej yang hadir iaitu terdiri daripada 70 orang pegawai dan 230 orang anggota lain-lain pangkat.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kelebihan serta maanfaat produk ASB-Z yang di khaskan untuk warga ATM. Turut sama hadir pada program tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai Eksekutif Kolej.



